

## 147 Orang Asli mohon deklarasi hak milik tanah

10 April 2023



Temerloh - Seramai 147 Orang Asli dari suku kaum Semai memfailkan saman di Mahkamah Tinggi di sini bagi menuntut deklarasi bahawa mereka adalah pemegang hak milik adat dan pemegang hak penggunaan tanah di Kampung Pos Lanai, Kuala Lipis, dekat sini.

Mereka menamakan kerajaan negeri Pahang selaku defendan pertama disusuli Pengarah Tanah dan Galian Pahang, Pengarah Jabatan Perhutanan Pahang, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) dan kerajaan Malaysia.

Semua mereka selaku plaintiff yang diwakili peguam Harneshpal Singh Bhullar memfaikan saman itu pada Ogos 2021 dan kes dibicarakan kali pertama di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Roslan Mat Nor pada Isnin.

Dalam pernyataan tuntutan mereka, plaintiff memohon deklarasi supaya kerajaan negeri Pahang diarahkan untuk mewartakan tanah seluas kira-kira 14,418 hektar yang terletak di Mukim Ulu Jelai dan Hutan Simpan Ulu Jelai sebagai kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954.

Plaintif juga memohon mahkamah mengeluarkan deklarasi bahawa defendan tidak mempunyai hak untuk mengurangkan atau memusnahkan hak plaintiff terhadap tanah itu atau melaksanakan aktiviti yang boleh menjelaskan tanah tersebut.

Dalam permohonan itu, plaintif mendakwa mereka adalah penduduk di tanah tersebut, diwarisi daripada nenek moyang, yang digunakan untuk menyara kehidupan menerusi aktiviti seperti pertanian dan mengutip hasil hutan, selain mengekalkan hubungan tradisional dengan kawasan berkenaan.

Mereka mendakwa berlaku beberapa insiden pencerobohan terhadap tanah itu sejak 2013 antaranya bagi cadangan pembinaan empangan hidroelektrik, pembalakan dan kajian cadangan perlombongan nadir bumi, yang didakwa plaintif akan menyebabkan kerosakan tanah dan kesulitan kepada mereka.

Pembinaan empangan itu bagaimanapun dibatalkan pada Oktober 2018.

Sehubungan itu, plaintif turut menuntut deklarasi bahawa semua langkah atau peninggalan (omissions) defendant berhubung pembinaan empangan, kelulusan pembalakan dan kajian cadangan perlombongan tersebut adalah bertentangan undang-undang, tidak sah dan terbatal.

- Bernama